

# Mengapa Saya Menganut Agama Islam

Oleh: Fatimah Harren – Jerman Barat

Ruangan “Fikiran Islam” pada kali ini kita hidangkan kisah seorang pemudi Jerman yang telah tertarik dengan ajaran-ajaran yang dibawa oleh agama Islam.

Setelah dia mendapat bimbingan dari seorang pemuda bangsa Eropah yang baharu menganut Islam – yang akhirnya telah berkahwin dengannya – maka pemudi Jerman yang berambut perang itu akhirnya telah menjadi seorang Muslimah dan dia memilih nama Islamnya “Fatimah Harren sebagai mengambil sempena dari nama Saiyidatina Fatimah binti al-Rasul.

Tatapilah apa yang diterangkan oleh saudari Fatimah Harren, mengapa ia memilih Islam menjadi agama yang dianutinya?

Pengarang.

(Diterjemahkan oleh: Abdullah Hashim)

## Mencari Tuhan Yang Sebenarnya:

Memang sudah menjadi adat kepada kami orang-orang Jerman, apabila lahirnya seseorang bayi, maka ia dibersihkan daripada sebarang dosa di dalam gereja -Katholik atau Protestan – dan menjadi ‘Katholik’ mempercayai adanya Tuhan, tetapi tanpa sebarang agama.

Saya dilahirkan pada tahun 1934. Apabila saya berumur tujuh tahun seorang sahabat yang lebih tua daripada saya, telah menerangkan kepada saya bahawa tuhan itu tidak wujud dan “Bapa Kristian” (Santa Claus) itu adalah rekaan manusia semata-mata. Saya pun dengan segera mengambil keputusan menyebelahi sahabat saya itu, dan menumpahkan perhatian kepada dunia kebendaan.

Tiap-tiap hari bom-bom telah meletup di sana-sini. Bapa hanya pulang ke rumah sekali sekala, manakala ibu pula sibuk menjahit dan mengait

stokin untuk askar-askar kami yang “miskin”. Sebuah rumah besar yang berjiran telah dijadikan hospital untuk merawat mereka-mereka yang cedera. Apabila perang tamat, manusia-manusia asing telah berkeliaran di sana di sini, dan mereka telah mengambil rumah kami. Saya telah dipertunjukkan filem-filem perang Amerika yang menghancurkan hati saya. Saya tak dapat memastikan siapa yang bersalah dan siapa yang benar, semuanya saya pandang kejam dan tidak berperni kemanusiaan. Daripada seribu orang yang ditanya mengapa, seorang pun tidak dapat memberikan jawapan yang memuaskan? Di dalam suasana yang kucar-kacir ini, saya pun berusaha mencari Tuhan yang Maha Benar agar Dia dapat memberikan petunjuk dan ketenteraman kepada jiwa saya yang sedang dalam kebingungan. Saya telah bertemu dengan kehampaan dalam agam Kristian – mazhab Katholik mahu pun Protestant.

## Tertarik Dengan Islam:

Entah bagaimana pada suatu hari saya telah bertemu dengan seorang sahabat bangsa Eropah yang baharu sahaja memeluk agama Islam. Saya telah bertanya kepadanya berbagai-bagai aspek mengenai agama Islam, dan ia pun memberi penjelasan kepada saya satu persatu dengan memuaskan. Saya telah tertarik dengan makna ‘Islam’ yaitu dengan sukarela seseorang itu menyerahkan diri kepada perintah-perintah Tuhan ia meneruskan penerangannya, bahawa semua manusia, semua binatang-binatang dan semua tumbuh-tumbuhan, adalah berasal Islam, sebab mereka akan menjahanamkan diri mereka sendiri, kiranya mereka tidak menurut peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh Tuhan dalam mengerjakan makan dan minum untuk hidup seterusnya. Ia meneruskan keterangannya, bahawa hanya manusia sahaja yang mempunyai sifat keislaman yang *spiritual* (kerohanian), selain daripada itu, manusia tidak

## Fikiran Islam.

mempunyai pilihan, melainkan menurut kehendak semula jadi seperti binatang-binatang dan tumbuh-tumbuhan.

Keterangan yang logik ini adalah munasabah dengan fikiran saya, ia penuh memberikan pendapat dengan ajaran-ajaran yang menarik perhatian, dan saya pun meneruskan pengkajian Islam melalui buku-buku yang ditulis dalam bahasa Jerman, yang jarang-jarang kedapatan itu. Akhirnya sahabat Muslim saya itu telah menjadi suami saya; kemudian dari itu saya telah memeluk agama Islam.

### Perintah Allah Yang Mudah:

Pada bulan Ramadan, di tahun 1959, saya telah berpuasa, untuk mencuba perintah Allah yang saya fikir pada mulanya berat ini. Ya, pada mulanya saya rasa begitu sukar, tetapi lama-kelamaan saya pun mulai menyesuaikan diri saya dengan penuh keinsafan; saya meneruskan puasa saya itu. Ini menunjukkan bahawa kita dapat mengerjakan segala perintah Allah dengan mudahnya kira kita rela, dan mengerjakan segala perintah-perintahnya adalah mudah, jika kita patuh dan yakin kepada perintah-perintah itu.

Lepas itu saya dan suami saya pun mulai menyimpan wang kerana hendak bermastautin ke negeri Islam. Oleh sebab penghidupan kami sebagai orang Islam di negeri Barat itu tidak menyenangkan. Suami saya akan hilang pekerjaannya kiranya ia mengambil 15 minit untuk

sembahyang Zohor. Suami saya bekerja di sebuah pejabat di mana terdapat tiga orang gadis setiausaha, manakala saya pula tinggal di dalam suatu masyarakat Kristian di mana hanya didapati paderi-paderi perempuan sahaja yang menutup seluruh badannya.

### Bertemu dengan ketenteraman jiwa:

Tidak berapa lama, suami saya pun dapat peluang bekerja di Pakistan, dan di sinilah kami dapati dikelilingi oleh sahabat-sahabat yang sama-sama Islam. Dengan tindakan saya itu, saya telah mengorbankan segala keseronokan dunia, seperti menghadiri majlis-majlis tarian, ke panggung-panggung wayang, bersukan salji, dan sebagainya. Saya juga telah meninggalkan ibu bapa, adik-adik dan saudara-mara saya yang saya kasihi. Pada masa ini saya beramal teguh kepada perintah-perintah Allah, dan dengan jalan demikian saya telah bertemu dengan ketenteraman jiwa dan kebahagiaan hidup.

Sebab utama mengapa saya menulis makalah ini, ialah supaya adik-adik dan saudara-saudara mara saya dapat mencontohi saya dan mengikuti jalan yang benar. Semua yang bergemerlapan di Barat sana adalah kosong dan palsu. Kebahagiaan yang sebenarnya tidak akan dicapai oleh seseorang itu, melainkan setelah ia memeluk agama suci Islam. Saya berdoa semoga mereka akan insaf untuk mencari kebenaran dan bertukar hati mencari cahaya yang sebenarnya yaitu Islam.

## Kata-kata Hikmah

Ketinggian yang akan dicapai itu setimpal dengan kepayahan bekerja menghasilkannya. (Profesor Gray).

\* \* \*

Kita dilarang takbur, tetapi disuruh mencari kehormatan dengan memperbaiki budi pekerti. – (Imam Ghazali).

### Buku Baru Istimewa.

## RISALAH PENDIDIKAN DAN KELUARGA

Kumpulan dari kata2 dan nasihat yang berharga Al-Imam Al-Shahid Hasan Al-banna Pemimpin Al-Ekhwanul-Muslimin yang mustahak di-jadikan panduan hidup di-dalam suatu masyarakat Islam yang bergerak maju.

Mustahak di-bacha oleh pemuda dan pemudi Islam angkatan baru yang chintakan Islam.

Ada naskhah Jawi dan ada naskhah Rumi.

Sa-buah \$1.00

Pesan-lah kapada:

## QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya

Selangor.